

09 MAY 2002

MALAYSIA-AMCHAM/I

KEPIMPINAN DAN KEGIATAN EKONOMI MALAYSIA DIHORMATI PELABUR ASING

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Ahli-ahli perniagaan Amerika yang bersikap optimis tentang ekonomi Malaysia, yakin bahawa pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden George Bush nanti akan mempertingkatkan hubungan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat, kata presiden Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM), Nicholas Zefferys, hari ini.

"Walaupun Malaysia mungkin menghadapi persaingan dengan negara-negara lain dalam usaha menarik pelaburan asing, namun kepimpinannya yang pragmatik dan kegiatan ekonominya yang pelbagai, sangat dihormati oleh pelabur-pelabur asing," katanya pada sidang media yang diadakan selepas mesyuarat agung tahunan ke-25 AMCHAM.

Zefferys menyifatkan langkah Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengkaji semula peraturan-peraturannya untuk membolehkan aset asing disuntik ke dalam syarikat-syarikat tersenarai bagi mempermudah penyusunan semula korporat baru-baru ini sebagai satu perkembangan positif.

Walaupun mungkin berlaku penyusutan jumlah pelaburan asing, namun petanda-petanda kukuh bahawa ekonomi AS semakin baik, seharusnya menjadi suatu perkembangan yang positif bagi Malaysia, katanya.

"Satu-satunya halangan kepada pemulihan ekonomi sepenuhnya, ialah persengketaan yang berlanjutan di Timur Tengah dan kesannya ke atas harga minyak," tambah beliau.

Beliau berkata, pelaburan AS di Malaysia adalah besar dan setakat ini ia berjumlah kira-kira AS\$20 bilion.

Kata Zefferys, umum berpendapat bahawa sektor perkhidmatan boleh memainkan peranan peneraju dalam ekonomi negara.

"Di AS, sektor perkhidmatan menguasai 80 peratus daripada kegiatan ekonominya. Jika Kerajaan Malaysia menggalakkan pertumbuhan sektor ini dengan menyediakan galakan-galakan menarik, ia akan memberi faedah yang besar," katanya.

Sejajar dengan kemajuan teknologi tinggi, penekanan yang lebih besar harus diberikan kepada bahasa Inggeris, teknologi dan sains di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia, tegasnya. --

BERNAMA

CL KTC KY ZK